



07 FEB, 2026

KESAN HABA, ARUS ELEKTRIK MENINGKAT

Harian Metro, Malaysia



Oleh Farhana Yaacob
am@hmetro.com.my

Melaka

Peningkatan haba serta arus elektrik luar biasa di kawasan perumahan baharu di Taman Harmoni Tambak Paya di sini, akhirnya membongkar kegiatan rahsia perlombongan haram mata wang digital bitcoin.

Aktiviti haram itu dibongkar hasil operasi dilakukan pihak berkuasa termasuk Tenaga Nasional Berhad (TNB) kelmarin.

Timbalan Exco Sains, Teknologi, Inovasi dan Komunikasi Digital Melaka, Datuk Mohd Noor Helmy Abdul Halem berkata, aktiviti di kediaman baharu itu dikesan hasil pantauan dan rondaan harian TNB yang mengesan kegajilan di lokasi itu.

Bagaimanapun menurut beliau, ketika serbuan dijalankan, rumah yang dipercayai disewa itu tidak berpenghuni dan ditutup dengan langsir.

"Selalunya aktiviti haram dijalankan di bangunan rumah kedai, namun kali ini mereka menjadikan kediaman untuk kegiatan ini."

"Kerugian ditanggung TNB bagi aktiviti haram di rumah ini dianggarkan RM8,000 sebulan," katanya dalam operasi bersepadu bersama TNB dengan kerjasama Suruhanjaya Tenaga.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Duyong itu berkata, serbuan itu operasi kedua tahun ini, se-

BONGKAR KEGIATAN RAHSIA PERLOMBONGAN HARAM BITCOIN

KESAN HABA, ARUS ELEKTRIK MENINGKAT



MOHD Noor Helmy (dua dari kanan) melihat mesin aktiviti bitcoin yang dijalankan di sebuah rumah di Taman Harmoni Tambak Paya, Melaka. - Gambar NSTP/FARHANA YAACOB

lepas Januari lalu membatalkan dua premis kedai di Alor Gajah, dengan anggaran kerugian mencecah RM1.6 juta.

kes perlombongan bitcoin direkodkan, meningkat mendadak berbanding 30 kes tahun sebelumnya.

"Daripada segi kerugian pula, sebanyak RM10.46 juta

"Selalunya aktiviti haram dijalankan di bangunan rumah kedai, namun kali ini mereka menjadikan kediaman untuk kegiatan ini"

Mohd Noor Helmy
Abdul Halem

ta direkodkan pada 2024 manakala RM29.63 juta pada 2025 akibat kecurian bekalan elektrik bagi aktiviti ini," katanya.

Mohd Noor Helmy berkata, aktiviti perlombongan bitcoin bukan sahaja menyebabkan kerugian kepada TNB, tetapi menimbulkan risiko keselamatan kepada penduduk sekitar.

Beliau berkata, arus elektrik yang terlalu tinggi boleh menyebabkan kabel menjadi panas dan mencetuskan kebakaran.

"Ia juga boleh mengganggu bekalan elektrik dan merosakkan peralatan di kediaman berhampiran."

"Orang ramai perlu lebih berjaga-jaga dan menjadi mata serta telinga pihak berkuasa bagi melaporkan sebarang aktiviti mencurigakan," katanya.